



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
(MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA)
Bahagian Kokurikulum dan Kesenian
Division of Co-Curricular and Arts
Aras 3, Blok E9, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA



Tel. : + 603-8872 1610
Faks (Fax) : + 603-8872 1608
Portal : www.moe.gov.my
(Website)

Rujukan Kami : KPM.600-14/1/20 JLD 17 (89)
Tarikh : 16 Januari 2018
28 Rabiulakhir 1439 H

Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu
Jalan Bukit Kecil, Kuala Terengganu
Terengganu

Tuan,

**STUDENTS ON ICE, ARCTIC EDUCATIONAL EXPEDITION 2018 – PENYERTAAN
PELAJAR DAN GURU DARI NEGERI TERENGGANU**

Dengan hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Bahagian Kokurikulum dan Kesenian (BKK), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) terlebih dahulu merakamkan terima kasih di atas usaha pihak **Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan (YPASM)** untuk meneruskan penganjuran **Program *Students on Ice; Arctic Educational Expedition* pada tahun 2018.**
3. Setelah meneliti permohonan yang dikemukakan, sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) **tiada halangan menyokong** hasrat pihak YPASM untuk meneruskan penganjuran Program *Students on Ice; Arctic Educational Expedition* pada tahun 2018 di sekolah-sekolah menengah di negeri Terengganu. Program berkenaan memberi peluang kepada warga sekolah untuk melalui proses pengajaran dan pembelajaran tentang kehidupan di kawasan Arctic serta meluaskan pemahaman mereka dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik khususnya.
4. Untuk makluman tuan, pihak YPASM berhasrat untuk sekali lagi menghantar **dua (2) orang murid tingkatan 4 dan seorang (1) guru dari Terengganu untuk mengikuti program berkenaan yang akan berlangsung dari 23 Julai hingga 8 Ogos 2018.** Satu proses pemilihan murid-murid dan guru akan diadakan di Terengganu. Sehubungan dengan itu, pihak YPASM akan bekerjasama dengan Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) serta Pusat Sains dan Kreativiti Terengganu (PSKT) berkaitan program tersebut pada satu tarikh yang akan ditetapkan nanti.




5. Segala kos terlibat dalam proses pemilihan dan penghantaran peserta menyertai program *Students on Ice; Arctic Educational Expedition 2018* akan dibiayai oleh YPASM melalui sumbangan Kerajaan Negeri Terengganu. Sebarang pertanyaan dan maklumbalas boleh diajukan kepada pegawai terlibat iaitu, **Encik Muhammad Fardy Md Ibrahim** di fardy@ypasm.my atau melalui talian **019 2934980** atau pegawai bahagian ini iaitu **Puan Zalina Kamis** di talian **03 8872 1626** atau **019 2508926**.

Sekian, terima kasih.

'SEHATI SEJIWA'
'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'
'PERPADUAN MELALUI KOKURIKULUM'

Saya yang menurut perintah,



(ROZAINUM AHMAD)

Pengarah

Bahagian Kokurikulum dan Kesenian

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Pendidikan Malaysia.

- s.k. 1. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Sektor Operasi Pendidikan)
2. Ketua Pegawai Eksekutif, Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan.